

1. PENGENALAN

- ❖ Seperti ditempat kerja yang lain, bahaya ditempat kerja juga wujud didalam industri pandanan rambut yang boleh membahayakan kesihatan dan menyebabkan kecederaan kepada pekerja

2. BAHAYA KESIHATAN DAN KESELAMATAN

❖ Bahaya Fizikal

- Bunyi bising dari peniup-kering, yang boleh menyebabkan gangguan dan kehilangan pendengaran jika berpanjangan

❖ Bahaya Biologi

- Risiko dijangkiti penyakit berjangkit contohnya Hepatitis B dari peralatan yang tercemar seperti dari pencukur dan gunting

❖ Bahaya Kimia

- Masalah kulit disebabkan dari bermacam jenis kimia didalam produk rambut seperti syampu, pewarna rambut, peluntur dan larutan pengalun rambut kekal atau dari produk pencuci
- Garam persulfat (dalam serbuk peluntur rambut) atau inai boleh menyebabkan penyakit ampu/asma

❖ Bahaya Ergonomik

- Penyakit trauma kumulatif disebabkan dari pergerakan yang berulang-ulang (contohnya menggunakan gunting yang tumpul), postur yang kekok/janggal contohnya bekerja dengan leher/pergelangan tangan lengkung, tangan diatas paras bahu
- Boleh menyebabkan rasa kebas, sakit dan lemah di anggota leher, bahu, tangan dan pergelangan tangan
- Berdiri dalam masa yang panjang boleh menyebabkan vena varikos dan sakit belakang (terutamanya bagi pekerja yang mengandung)

❖ Bahaya Psikososial

- Tekanan dan lelah disebabkan oleh gangguan dari bunyi bising, kerja yang sama dan membosankan atau bekerja sendirian

❖ Bahaya Keselamatan

- Risiko kecederaan akibat dari:
 - Melecur dari permukaan yang panas contohnya dari alat pendandan rambut
 - Luka dari gunting yang tajam dan pisau pencukur
 - Tergelincir disebabkan oleh tumpahan diatas lantai, laluan yang tersekat atau lantai basah

- Kejut elektrik dari peralatan elektrik yang rosak

- Risiko kebakaran dari produk semburan rambut

3. PENCEGAHAN DAN KAWALAN

- ❖ Pastikan awda menerima latihan yang mencukupi

❖ Persekitaran tempat kerja:

- ✓ Memastikan pengedaran udara yang mencukupi untuk menghilangkan bau, gas, kelembapan dan wap
- ✓ Pencahayaan mencukupi dan suhu yang selesa
- ✓ Lantai diperbuat dari bahan yang tidak licin

- ❖ Pastikan kawasan tempat kerja adalah pada ketinggian yang selesa dan kerusi yang digunakan boleh dilaraskan

- ❖ Mengatur semula kawasan tempat kerja supaya tugas, peralatan dan benda mudah dicapai (contohnya menggunakan troli semasa bekerja)

❖ Ergonomik

- ✓ Pelajari pengendalian manual yang betul
- ✓ Menggunakan peralatan yang direka khas untuk mengatasi masalah ergonomic

- ✓ Berehat apabila perlu terutamanya semasa membuat kerja yang berulang-ulang
- ❖ Pengawalan kebisingan
 - ✓ Membeli peralatan seperti peniup kering yang mempunyai tahap bunyi yang rendah
- ❖ Menjaga kebersihan diri - mencuci tangan selepas tersentuh darah, selepas menanggalkan sarung tangan dan selepas bekerja
- ❖ Lindungi tangan dengan sarung tangan kalis kimia terutamanya bila mengandalkan peluntur atau pewarna rambut
- ❖ Jika terdapat luka, gunakan pembalut kalis air semasa berkerja dan gantikan dengan pembalut yang poros jika tidak berkerja
- ❖ Memakai kasut yang mempunyai tapak yang tidak mudah tergelincir
- ❖ Bergilir membuat kerja mencuci rambut; pastikan awda menggunakan krim pelembab kulit untuk mengelakkan kulit awda dari kering
- ❖ Bergilir membuat sesuatu tugas - untuk mengubah corak kerja berulang-ulang yang boleh membosankan dan juga melambatkan timbulnya rasa lelah
- ❖ Simpan barang secara teratur ("good housekeeping") - ini boleh mencegah terjadinya kemalangan disebabkan tergelincir dan tersadung yang diakibatkan oleh tempat laluan tersekat

- ❖ Sentiasa menempatkan produk rambut dan kimia ditempat bekas asal; bersihkan tumpahan dengan segeranya
- ❖ Pemeliharaan perangkap putaran arus elektrik mesin yang cermat(" proper grounding")
- ❖ Pencegahan api
 - ✓ Pastikan alat pemadam api dan bunyi amaran yang mencukupi,
 - ✓ Jalani latihan cara-cara memadam api dan tandakan tempat berkumpul semasa kecemasan
 - ✓ Elakkan menyembur produk semburan rambut pada api atau lampu infra-merah peniup kering rambut
- ❖ Pelajari bantuan kecemasan dan pastikan peti kecemasan disediakan



**BAHAGIAN KESIHATAN CARAKERJA
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

BEKERJA SEBAGAI PENDANDAN RAMBUT



***FAKTA RISIKO
KESIHATAN DAN
KESELAMATAN***